



DIVIDEN

KOPERASI BANK PERTANIAN
MALAYSIA (KoBPM) BERHAD



Bagi merangsang Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad menceburi perniagaan baru yang meliputi bidang - bidang hartanah, perniagaan emas, francais, perkongsian dan perladangan seperti yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung KoBPM Tahun 2011, maka Tabung Pembangunan dan Pelaburan Koperasi (TPPK) telah diwujudkan.

Tabung ini serta Aturan Pengendaliannya telah mendapat pengesahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 12 Julai 2013. Antara lain tabung ini bertujuan untuk:

- Memberi peluang kepada Anggota KoBPM untuk melabur dalam aktiviti-aktiviti yang dijangka akan mendapat pulangan yang menguntungkan.
- Menggalakkan Anggota KoBPM untuk memiliki harta secara perkongsian.
- Membantu meningkatkan taraf ekonomi Anggota.

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

- Pengiraan perkongsian untung dibuat setiap tahun.
- Formula perkiraan adalah mengikut format yang disediakan oleh pihak KoBPM.
- Nisbah perkongsian untung Pelabur 90 % : Pengusaha 10 %
- Bayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun Yuran Anggota secara automatik.

“Sepakat Meningkatkan Kesejahteraan Bersama”

Nilai Minima simpanan bermula RM2,000 dan ke atas dengan sasaran tabung sebanyak RM 10 juta.





BAYARAN DIVIDEN YANG TELAH DIBAYAR:

TAHUN	DIVIDEN %
2018	6.15
2019	7.22
2020	7.xx

JANGKAAN KEUNTUNGAN DAN DIVIDEN:

	UNTUNG/RUGI	CADANGAN DIVIDEN
	RM	
TAHUN 1	(47,221)	0 %
TAHUN 2	396,808	3.0 %
TAHUN 3	664,546	6.5 %
TAHUN 4	1,1014,571	10.0 %
TAHUN 5	1,354,278	13.5 %
TAHUN 6	1,569,628	15.0 %

TABUNG PEMBANGUNAN DAN PELABURAN KOPERASI (TPPK)

 admin@koopbpm.com.my
 +603 8733 2597 / 2705
 No 12, Jalan TTDI Grove 1/2
 Taman TTDI Grove, 43000
 Kajang, Selangor.
 <http://www.koopbpm.com.my/>

PENGENALAN

Tabung yang berteraskan Konsep Al-Mudharabah (Perkongsiang Untung). Objektif pelaburan bermatlamat untuk memberi pemegang-pemegang unit suatu tahap pendapatan yang menarik dan berterusan, serta peningkatan modal menerusi pelaburan berisiko munasabah yang dilaksanakan mengikut garis panduan berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Untuk TPPK yang pertama, Koperasi memilih untuk menceburi bidang francais bersama Bank Rakyat iaitu Ar Rahnu Exchange. Ini disebabkan oleh:

- Jenama yang menonjolkan kestabilan operasi Ar Rahnu Bank Rakyat sejak tahun 1993.
- Latihan yang sistematik oleh tenaga pelatih yang berpengalaman.
- Operasi perniagaan menggunakan manual, garis panduan dan prosedur terbaik disamping sistem perisian yang sistematik dan selamat.
- Pembangunan jenama menerusi beberapa program pemasaran yang berterusan.
- KPS pakej francais yang berpatutan berbanding dengan prospek keuntungan yang tinggi.
- Francaisor, Rakyat Management Services Sdn Bhd merupakan anak syarikat milik penuh Bank Rakyat yang berpengalaman dalam operasi Ar Rahnu.

KELAYAKAN PELABUR

Semua Anggota Koperasi yang telah memenuhi syarat, perolehan hak, kewajiban dan liabiliti menurut seksyen 28 Akta, Undang-Undang Kecil 16.

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Pengiraan perkongsiang untung dibuat setiap tahun.

Formula perkiraan adalah mengikut format yang disediakan oleh pihak KoBPM.

Nisbah perkongsiang untung
Pelabur 90 % : Pengusaha 10 %

Bayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun Yuran Anggota secara automatik.

SOALAN LAZIM

1. Siapa yang layak membeli Syer TPPK ini?

Anggota KoBPM yang telah memenuhi syarat perolehan hak, kewajiban dan liabiliti menurut Seksyen 28 Akta Undang-Undang Kecil 16.

2. Bila tempoh tawaran TPPK?

Tabung ini dibuka mulai 1.06.2015 sehingga dimaklumkan tarikh penutupan tabung TPPK. (Sehingga langganan penuh)

3. Berapa jumlah minimum dan maksimum bagi seorang Anggota melanggan TPPK ini?

Jumlah Minimum : RM 2,000
Jumlah Maksimum : RM 30,000

4. Jika langganan hendak dibuat secara ansuran, berapa lamakah tempoh yang diberikan?

Bayaran langganan secara ansuran boleh diberikan sehingga tabung ditutup. (Sehingga langganan penuh)

5. Bagaimana cara pembayaran TPPK?

Pembayaran boleh dibuat menggunakan tunai, dalam talian, cek dan pembiayaan dengan KoBPM.

6. Jika telah melanggan TPPK bagaimana hendak dipastikan langganan kita telah diterima KoBPM?

Pihak KoBPM akan mengeluarkan sijil yang dinamakan Sijil Akaun Pelaburan.

7. Bagaimanakah pengiraan keuntungan dibuat dan cara bayaran?

Pengiraan Keuntungan adalah berdasarkan nisbah perkongsiang untung 90% pelabur dan 10% pengusaha. Bayaran keuntungan akan dikreditkan ke akaun simpanan pelabur yang diberikan semasa mengisi Borang TPPK.